

**PERATURAN AKADEMIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
PROGRAM PENGAJIAN SARJANA PENDIDIKAN SAINS  
SECARA PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

**1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Sarjana Pendidikan Sains 2024).

Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Sarjana Pendidikan Sains secara modular (Rujuk ilustrasi dalam **Lampiran 1**)

**2. TAKRIF**

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain :-

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Blok”** bermakna masa yang diperuntukkan untuk melaksanakan satu kursus. Satu blok adalah bersamaan dengan enam minggu kuliah.

**“Disertasi”** bermakna laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Secara Mod Campuran (penyelidikan dan kerja kursus).

**“Disertasi Mutakhir”** bermakna naskhah Disertasi yang telah disempurnakan selepas lulus Viva Sarjana Secara Penyelidikan dan Kerja Kursus.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar siswazah yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Fakulti untuk meluluskan dan memperakukan cadangan penyelidikan pelajar.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Dapatan Kajian”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Jabatan untuk meluluskan dan memperakukan dapatan kajian pelajar.

**“Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat untuk menilai Disertasi.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah”** bermakna Jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

**“Kehadiran”** bermakna keberadaan pelajar sewaktu pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

**“Kerja Kursus”** bermakna kaedah pelaksanaan sesuatu kursus yang memerlukan pelajar pembuat tugas, ujian dan sebarang bentuk pentaksiran yang lain.

**“Kompetensi”** bermakna kemampuan atau kecekapan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi oleh pelajar setelah mengikuti kursus yang ditawarkan.

**“Komponen Disiplin Teras”** bermakna kategori kursus-kursus teras yang berkaitan bidang pendidikan Sains dan wajib diambil oleh pelajar mod campuran.

**“Komponen Disertasi”** bermakna kursus yang mengandungi elemen kaedah penyelidikan, penyelidikan dan penulisan saintifik, dan wajib diambil oleh pelajar bagi mod campuran.

**“Komponen Wajib”** bermakna kategori kursus-kursus yang berkaitan bidang pendidikan Sains yang wajib diambil sebagai syarat bergraduat.

**“Kredit Kira”** bermakna kredit yang diambil kira dalam pengiktirafan PNGS dan PNGK.

**“Kredit Lulus”** bermakna kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu blok.

**“Mod Pengajian”** adalah jenis struktur pengajian Sarjana yang ditawarkan oleh Universiti yang meliputi Sarjana Penyelidikan, Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus dan Sarjana Kerja Kursus.

**“Modul”** adalah satu unit dalam kursus yang membawa kepada satu jam kredit (40 jam *Student-Learning Time*, SLT) yang ditawarkan dan diselesaikan dalam satu minggu pengajian.

**“Pegawai Perubatan”** Seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah-Perintah Am 6 dan 32 termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang pusat kesihatan/hospital kerajaan.

**“Pelajar siswazah”** bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**“Pemeriksa Dalam”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diperakui Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan diluluskan oleh Senat untuk menilai Disertasi pelajar.

**“Penasihat Akademik”** bermakna seorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

**“Pendaftaran Kursus”** bermakna pendaftaran kursus oleh pelajar melalui sistem dalam talian pada setiap awal blok berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

**“Pendaftaran Pelajar”** bermakna pendaftaran pelajar mengikut takwim program Sarjana Pendidikan Sains yang diluluskan oleh Senat.

**“Penilaian”** bermakna sebarang bentuk pentaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi.

**“Penyelia”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia Disertasi pelajar.

**“Penyelia bersama”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia Disertasi pelajar bersama penyelia.

**“Penyelia bersekutu”** bermakna ahli akademik dari luar universiti yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia Disertasi pelajar bersama penyelia.

**“Pentaksiran Akhir”** bermakna sebarang bentuk penilaian kursus terdiri daripada ujian lisan, pentaksiran berdasarkan projek, pentaksiran berdasarkan tugas, penilaian pembentangan dan lain-lain pentaksiran alternatif yang dianggap sesuai untuk mengukur pencapaian akademik pelajar yang diselenggarakan oleh Universiti.

**“PNGK”** (Purata Nilai Gred Kumulatif) bermakna purata himpunan mata nilai gred yang diperolehi bagi semua blok yang telah diikuti.

**“PNGS”** (Purata Nilai Gred Semester) bermakna purata mata nilai gred yang diperolehi dalam sesuatu blok.

**“Program Pengajian”** bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Ijazah Sarjana yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

**“Slip Pendaftaran”** bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

**“Slip Peperiksaan”** bermakna slip yang mengandungi maklumat pentaksiran akhir dan perlu dibawa bersama ke dewan/bilik/makmal peperiksaan.

**“Status Pengajian”** bermakna status semasa pelajar dalam tempoh pengajian sarjana sama ada sepenuh masa atau separuh masa.

**“Struktur Program”** bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah berdasarkan mod pengajian.

**“Tempoh Pengajian”** bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian sarjana.

**“Universiti”** bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

**“Viva”** bermakna peperiksaan lisan yang dianggotai Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi.

### 3. STRUKTUR PROGRAM

Pengajian melibatkan kursus dan penyediaan Disertasi.

### 4. PENDAFTARAN KURSUS / DISERTASI

- 4.1 Pelajar hendaklah menjelaskan yuran dan mendaftar kursus / Disertasi pada minggu pendaftaran kursus mengikut takwim program pengajian Sarjana Pendidikan Sains.
- 4.2 Pendaftaran kursus ialah seminggu sebelum bermulanya sesi pengkuliahuan pada setiap blok.
- 4.3 Pendaftaran kursus dibenarkan sehingga selewat-lewatnya minggu pertama pengkuliahuan dan akan dikenakan denda mengikut bilangan hari lewat seperti berikut:

Perkara	Kadar Denda (RM)
---------	------------------

<b>Kelewatan Mendaftar</b>	<b>10.00/hari 30.00/kursus</b>
----------------------------	------------------------------------

4.4 Pendaftaran jam kredit kursus adalah seperti berikut;

<b>Status Pengajian</b>	<b>Jam Kredit kursus</b>	<b>Jam Kredit Disertasi</b>
Sepenuh Masa	6	22
Separuh Masa	6	22

- 4.5 Bagi pelajar separuh masa, pendaftaran kursus adalah sekurang-kurangnya dua (2) kursus setahun bagi mengekalkan status aktif pelajar.
- 4.6 Pengguguran kursus adalah tidak dibenarkan.
- 4.7 Pendaftaran kursus / Disertasi bagi pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada proses permohonan dan kelulusan e-VAL dan pas pelajar.

## 5. PENANGGUHAN PENGAJIAN

### 5.1 Penangguhan atas Sebab Kesihatan Kritikal

- 5.1.1 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab kesihatan kritikal boleh dibuat dengan mengemukakan laporan perubatan terkini daripada Pegawai Perubatan dan mendapatkan perakuan Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS.
- 5.1.2 Penangguhan atas sebab kesihatan kritikal dibenarkan tiga (3) blok sepanjang pengajian dan dibenarkan bagi dua (2) blok berturut-turut.
- 5.1.3 Permohonan perlu dikemukakan pada setiap blok.
- 5.1.4 Penangguhan pengajian atas sebab kesihatan kritikal untuk kali ketiga (3) adalah tertakluk kepada perakuan oleh Pegawai Perubatan Universiti. pelajar perlu mengemukakan laporan kesihatan terkini untuk diperakuan oleh Pegawai Perubatan Universiti.
- 5.1.5 Permohonan penangguhan perlu dibuat melalui portal pelajar. Sebarang permohonan selepas minggu ke-6 pengkuliahana adalah tidak dibenarkan.
- 5.1.6 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan kritikal tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 5.1.7 Implikasi kewangan berkaitan penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan UPSI semasa.

### 5.2 Penangguhan atas Sebab Selain Kesihatan

- 5.2.1 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab selain kesihatan boleh dibuat sehingga minggu ke-4 sesi pengkuliahana dengan mendapatkan perakuan Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS.
- 5.2.2 Penangguhan pengajian dua (2) blok berturut-turut adalah tidak dibenarkan.
- 5.2.3 Permohonan penangguhan perlu dibuat melalui portal pelajar.
- 5.2.4 Pelajar yang berada dalam blok maksimum tidak layak untuk menangguhkan

pengajian atas sebab peribadi.

- 5.2.5 Implikasi kewangan berkaitan penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan UPSI semasa.
- 5.3 Bagi pelajar yang menangguh blok sebelum minggu ke-4 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke blok berikutnya.
- 5.4 Kelulusan penangguhan pengajian kepada pelajar atas sebab selain daripada masalah kesihatan selepas minggu ke-4 sesi pengkuliahan, tiada pengecualian yuran dan yuran sedia ada tidak akan dibawa ke blok berikutnya.
- 5.5 Pelajar tajaan yang memohon penangguhan pengajian hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan bertulis daripada pihak penaja.
- 5.6 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 5.7 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.

## 6. PERTUKARAN MOD / PROGRAM

- 6.1 Pelajar boleh menukar mod/program pengajiannya dengan sokongan daripada Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS.
- 6.2 Pelajar boleh memohon pertukaran mod/program dengan perakuan Fakulti dan kelulusan pertukaran mod/program bagi pelajar Sarjana secara Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus yang tidak melibatkan lantikan penyelia hanya perlu diputuskan di peringkat IPS sahaja dengan syarat pihak Fakulti telah membuat perakuan kelulusan.
- 6.3 Bagi pelajar tempatan dan antarabangsa, permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada blok ke-2 pengajian dan permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan.
- 6.4 Berikut adalah keperluan bagi tujuan pertukaran mod/program pengajian daripada mod B ke mod C :

Mod Baharu	Keperluan
Mod Kerja Kursus (Mod C)	Borang permohonan pertukaran

- 6.5 Pelajar perlu menghantar permohonan pertukaran sebelum minggu ke-4 sesi pengkuliahan blok 2. Permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan kelulusan pertukaran hanya akan berkuatkuasa pada blok berikutnya.
- 6.6 Pertukaran mod/program dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sebelum blok ke-2 berakhir.
- 6.7 Bagi pelajar antarabangsa, pertukaran mod/program dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sebelum blok ke-2 berakhir.
- 6.8 Pelajar perlu mengambil kursus yang ditetapkan dalam struktur program mengikut komponen pengajian bagi memenuhi keperluan kredit dan syarat bergraduat.
- 6.9 Permohonan pertukaran mod/program pelajar antarabangsa perlu mendapatkan pengesahan daripada Pusat Antarabangsa dan Mobiliti (IMC).

## 7. TEMPOH PENGAJIAN

7.1 Tempoh pengajian secara sepenuh masa adalah minimum tujuh (7) blok iaitu selama 1.5 tahun dan maksimum lima belas (15) blok selama tiga (3) tahun.

Maklumat Blok	Minimum	Maksimum
Jumlah blok	7 blok	15 blok
Bilangan blok / tahun	5	5
Jumlah tahun	1.5 tahun	3 tahun

7.2 Tempoh pengajian secara separuh masa adalah minimum selama tiga (3) tahun dan maksimum selama lima (5) tahun.

Maklumat Blok	Minimum	Maksimum
Bilangan blok / tahun	2	4
Jumlah tahun	3 tahun	5 tahun

\* Komponen disertasi yang dijalankan secara 4 blok berturut-turut

7.3 Pertukaran status pengajian dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap blok.

7.4 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum blok terakhir bermula.

7.5 Pelajar boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian selewat-lewatnya sebelum minggu pendaftaran blok terakhir dengan sokongan Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS. Permohonan pelanjutan yang dibenarkan adalah sekali sahaja sepanjang pengajian tertakluk kepada peratusan Disertasi dan syarat seperti berikut :

7.5.1 telah selesai membuat pembentangan cadangan penyelidikan; dan

7.5.2 mempunyai peratusan kemajuan Disertasi :

- i. 80% dan ke atas: tambahan 2 blok
- ii. 50-79% : tambahan 4 blok
- iii. 49% dan ke bawah : tidak dipertimbangkan penambahan blok

7.6 Pelajar yang diluluskan pelanjutan tidak dibenarkan menangguh pengajian pada blok tersebut kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan.

7.7 Senat boleh memberi pengecualian bagi pelajar cemerlang yang dapat menamatkan pengajian sebelum tempoh minimum pengajian yang ditetapkan, tertakluk kepada Peraturan Kewangan UPSI semasa.

7.8 Pelajar juga boleh menghantar Disertasi awal kepada pihak IPS lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan.

7.9 Semua permohonan perlu diperakukan oleh fakulti dan dikemukakan di peringkat JPS.

## 8. SYARAT BERMASTAUTIN

8.1 Pelajar antarabangsa perlu berada di kampus sekurang-kurangnya dua (2) blok atau secara kumulatif sepanjang tempoh pengajian (tertakluk kepada keperluan program dan fakulti).

8.2 Semua pelajar antarabangsa wajib mempunyai pas pelajar dalam tempoh empat (4) blok pengajian. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar diberhentikan dari pengajian.

- 8.3 Semua pelajar (tempatan dan antarabangsa) yang mendapat tajaan/biasiswa perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk kepada keperluan program dan fakulti.

## 9. KEHADIRAN DAN PENGLIBATAN

- 9.1 Pelajar dikehendaki hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus sama ada secara bersemuka atau dalam talian seperti mana yang ditentukan oleh Fakulti.
- 9.2 Pelajar dikehendaki terlibat dalam semua sesi atau aktiviti yang ditentukan bagi sesuatu kursus sama ada secara bersemuka atau dalam talian seperti mana yang ditentukan oleh Fakulti.
- 9.3 Pelajar yang tidak memenuhi peraturan di atas bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Senat, tidak dibenarkan menduduki pentaksiran akhir untuk kursus berkenaan.
- 9.4 Pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran dan penglibatan dalam sesuatu kursus akan dihalang menduduki pentaksiran akhir.
- 9.5 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 9.6 Di akhir setiap blok pelajar mendaftar disertasi, pelajar perlu mengisi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) melalui sistem dalam talian.
- 9.7 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di perkara 9.6 akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) blok berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

## 10. PEMINDAHAN KREDIT

- 10.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pemindahan kredit secara kursus *micro-credentials* yang setara dengan kursus dalam program ini yang diperakui oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 10.2 Kelulusan untuk pemindahan kredit akan diputuskan oleh JPS.
- 10.3 Jumlah pemindahan kredit maksimum adalah lapan belas (18) kredit kecuali Disertasi.
- 10.4 Kursus yang ingin dipindahkan kredit mesti mempunyai gred minimum "B" dan tempoh kursus *micro-credentials* yang diambil tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 10.5 Kursus *micro-credentials* yang dipohon perlu setara sekurang-kurangnya 75% daripada segi kandungan kursus dengan kursus yang perlu diambil di UPSI.
- 10.6 Bagi pelajar yang menukar program, gred bagi kursus yang tidak berkaitan akan digugurkan.
- 10.7 Bagi pelajar yang menarik diri daripada pengajian, mereka boleh mendaftar semula sebagai pelajar baharu tetapi tidak boleh membuat pemindahan kredit.

## 11. DISERTASI

- 11.1 Disertasi hendaklah antara 20,000 sehingga 40,000 patah perkataan (tertakluk kepada perakuan JPS Fakulti, penyelia dan pakar bidang). Keperluan jumlah patah perkataan bagi program tertentu boleh merujuk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh

Fakulti.

- 11.2 Jumlah perkataan yang diambil kira bagi Disertasi bermula pada bab 1 hingga bab 5 sahaja, tidak termasuk rujukan dan lampiran. IPS berhak untuk tidak menerima Disertasi yang dihantar sekiranya tidak mencukupi minimum atau melebihi jumlah perkataan yang ditetapkan.
- 11.3 Disertasi hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditentukan oleh Universiti.
- 11.4 Disertasi boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- 11.5 Disertasi yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah Universiti ini.
- 11.6 Pelajar yang menyerahkan Disertasinya untuk diperiksa hendaklah:
  - 11.6.1 menghantar notis berserta bukti pembayaran yuran pemeriksaan Disertasi kepada IPS dengan menggunakan borang serahan disertasi awal selewat-lewatnya pada hujung blok keenam (6) untuk diperiksa dengan persetujuan penyelia (setelah Disertasi disiapkan sebanyak 80%).
  - 11.6.2 menghantar salinan disertasi untuk semakan *turnitin* selewat-lewatnya pada minggu keempat (4) dalam blok pelajar ingin menyerahkan disertasi.
  - 11.6.3 menyerahkan tiga (3) naskhah Disertasi yang berkulit lembut berjilid untuk pemeriksaan beserta laporan *turnitin* selewat-lewatnya minggu keenam (6) dalam blok pelajar ingin menyerahkan disertasi.
- 11.7 Pelajar hendaklah menyerahkan Disertasi Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh IPS sebelum bergraduat.
- 11.8 Pelajar hendaklah menyerahkan tiga (3) naskah Disertasi Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh IPS, berjilid dan sekeping (1) salinan cakera padat (CD) dalam format PDF, sebelum bergraduat.
- 11.9 Pelajar digalakkan menerbitkan hasil penyelidikannya dengan syarat dipersetujui oleh penyelia.
- 11.10 Hasil kajian dan Disertasi adalah hak milik Universiti.

## 12. PENYELIAAN DISERTASI

- 12.1 Cadangan pelantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Bersekutu hendaklah diperaku oleh Fakulti dan diluluskan JPS.
- 12.2 Senat hendaklah melantik ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai Penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan Disertasi.
- 12.3 Pertukaran penyelia dibenarkan dengan sokongan daripada Fakulti dan persetujuan penyelia asal dan penyelia baharu serta diluluskan JPS.
- 12.4 Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.
- 12.5 Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS)

pada setiap blok (mendaftar Disertasi) sepanjang tempoh pengajiannya kepada penyelia dengan menggunakan kaedah yang ditetapkan Institut Pengajian Siswazah.

### 13. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN

- 13.1 Pelajar diwajibkan menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kali pembentangan cadangan penyelidikan sebelum pelajar menjalani sesi pembentangan cadangan penyelidikan. Surat tamat pengajian dan transkrip tidak akan diserahkan sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini.
- 13.2 Pelajar hendaklah menyediakan dan membentangkan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti setelah mendapat perakuan daripada penyelia.
- 13.3 Cadangan penyelidikan perlu disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan Fakulti.
- 13.4 Pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

Status pengajian pelajar Sarjana	Pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan
Sepenuh Masa	Selewat-lewatnya dalam blok ke-2 mendaftar disertasi
Separuh Masa	Selewat-lewatnya dalam blok ke-3 mendaftar disertasi

- 13.5 Pelajar akan diberikan status **Kurang Memuaskan (KM)/Tidak Memuaskan (TM)** sekiranya tidak membuat pembentangan cadangan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan. Butiran status adalah seperti berikut :

Status pengajian pelajar Sarjana		Status yang akan diterima
Blok ke-2 mendaftar disertasi (sepenuh masa)	Kali Pertama	KM
Blok ke-3 mendaftar disertasi (separuh masa)		
Blok ke-3 mendaftar disertasi (sepenuh masa)	Kali Kedua	TM
Blok ke-4 mendaftar disertasi (separuh masa)		
Blok ke-4 mendaftar disertasi (sepenuh masa)	Kali Ketiga	TM dan diberhentikan (status TM dua kali berturut-turut)
Blok ke-5 mendaftar disertasi (separuh masa)		

- 13.6 Pelajar yang telah membuat pembentangan cadangan penyelidikan tetapi perlu membuat pindaan terhadap cadangan penyelidikan tersebut dan melakukan pembentangan kali ke-2 adalah tertakluk kepada tempoh masa seperti berikut:

Status pengajian	Maksimum tempoh pembetulan dan pembentangan semula	Status yang akan diterima sekiranya gagal mengikut tempoh yang ditetapkan
------------------	--	---

Sepenuh masa	Sebelum minggu ke-6 blok berikutnya	TM (Tidak memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua
Separuh masa	Sebelum minggu ke-6 dua blok berikutnya	TM (Tidak memuaskan) - kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua

- 13.7 Status yang dinyatakan di atas akan diberikan walaupun pelajar telah menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan (LKPS) dan penyelia memberi status Sedang Maju (SM).
- 13.8 Bagi pelajar yang menangguhkan pengajian sama ada atas sebab masalah kesihatan kritis atau selainnya, status ini akan diberikan hanya kepada bilangan blok pengajian pelajar yang berstatus aktif.

#### 14. PEMBENTANGAN DAPATAN KAJIAN

- 14.1 Pembentangan dapatan kajian adalah digalakkan sebelum pelajar menghantar notis dan Disertasi awal kepada pihak IPS.
- 14.2 Pembentangan dapatan kajian boleh dilaksanakan selepas dapatan diperoleh atau setelah Disertasi disiapkan sebanyak 80%. Pelajar perlu membentangkan semua dapatan kajian.

Nota: Kaedah pelaksanaan pembentangan dapatan kajian boleh ditentukan sendiri oleh pihak fakulti. Walau bagaimanapun pihak fakulti perlu memastikan Jawatankuasa Pemeriksa Dapatan Kajian adalah sama seperti dilantik semasa pembentangan proposal.

#### 15. PENTAKSIRAN AKHIR DAN PENILAIAN DISERTASI

##### Pentaksiran Akhir Kursus

- 15.1 Seorang pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil pentaksiran akhir.
- 15.1.1 Pentaksiran Akhir bagi kursus terdiri daripada ujian lisan, pentaksiran berasaskan projek, pentaksiran berasaskan tugas, penilaian pembentangan dan lain-lain pentaksiran alternatif yang dianggap sesuai dengan kursus bagi menilai pengetahuan, kemahiran atau kompetensi.
- 15.1.2 Pentaksiran Akhir Gantian boleh diberi kepada pelajar yang tidak dapat mengambil Pentaksiran Akhir yang telah ditetapkan atas sebab-sebab kecemasan dalam masa satu (1) minggu selepas minggu Pentaksiran Akhir berakhir dengan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti.

##### Penilaian Disertasi

- 15.2 Penilaian disertasi akan diperiksa oleh dua (2) orang Pemeriksa Dalam yang dilantik dan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Senat berdasarkan pencalonan dari Fakulti.
- 15.2.1 Penyelia boleh hadir sebagai pemerhati serta memberi pandangan (jika perlu) kepada Jawatankuasa Viva.

- 15.2.2 Urusan pengendalian Viva hendaklah dibuat oleh Fakulti.
- 15.2.3 Laporan penilaian Disertasi oleh Pemeriksa Dalam hendaklah berpandu kepada Borang Penilaian Disertasi.
- 15.2.4 Laporan Pemeriksa Dalam hendaklah dihantar ke Institut Pengajian Siswazah sebelum Viva diadakan.
- 15.2.5 Ahli Jawatankuasa viva terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi yang terdiri daripada:
- Pengerusi: Dekan Fakulti atau wakilnya
  - Ahli: Dua (2) orang Pemeriksa Dalam
  - Setiausaha: Urus Setia, IPS
- (Nota: Minit pembetulan dicatat oleh penyelia dan disahkan oleh pengerusi)
- 15.2.6 Perakuan penilaian Disertasi oleh Jawatankuasa Viva hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Senat bagi:
- 15.2.6.1 menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tanpa pindaan kepada Disertasi; atau
- 15.2.6.2 menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kecil seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi satu (1) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan Disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau
- 15.2.6.3 menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan sederhana besar seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada Disertasi seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi tiga (3) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan Disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Mesyuarat Viva.; atau
- 15.2.6.4 menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan besar seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian Disertasi. Disertasi yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakurkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi enam (6) bulan untuk membuat pindaan; atau [Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bil.09/2017]
- 15.2.6.5 Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Sarjana.
- 15.2.7 Tempoh masa penghantaran semula Disertasi untuk pembetulan besar iaitu enam (6) bulan adalah seperti berikut :
- 15.2.7.1 Penghantaran semula Disertasi sekurang-kurangnya selepas tiga (3) bulan viva berlangsung.
- 15.2.7.2 Pelajar perlu memastikan setiap pembetulan yang dinyatakan oleh pemeriksa dibuat sepenuhnya.
- 15.2.7.3 Bagi pembetulan sederhana besar dan besar, penyelia dan pemeriksa diberikan tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tempoh pembetulan tamat untuk menyemak Disertasi pelajar yang telah dibaiki berdasarkan keputusan Mesyuarat Viva.
- 15.2.8 Pelajar dibenarkan untuk membuat rayuan pelanjutan penghantaran pembetulan sekali (1) sahaja dengan tempoh maksimum satu (1) bulan. Permohonan pelanjutan akan dipertimbangkan oleh Dekan, IPS.

15.2.9 Gred Lulus atau Gagal boleh diberi untuk pencapaian sesuatu Disertasi.

## 16. PENGANUGERAHAN IJAZAH

- 16.1 Nama ijazah yang dianugerahkan oleh Senat Universiti ialah Ijazah Sarjana Pendidikan Sains.
- 16.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:
- 16.2.1 Memenuhi kesemua syarat-syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan;
  - 16.2.2 Lulus kesemua kursus yang ditetapkan;
  - 16.2.3 Mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00;
  - 16.2.4 Lulus Disertasi
- 16.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

## 17. SISTEM PENGGREDAN

- 17.1 Pelajar akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Sistem Gred

MARKAH	GRED	NILAI
80-100	A	4.00
75- 79	A-	3.75
70-74	B+	3.45
65-69	B	3.00
60-64	C+	2.75
59 dan ke bawah	F	0.00

Status yang berikut juga diberikan:

- TL: : Tidak Lengkap  
SM : Sedang Maju  
KM : Kurang Memuaskan  
TM : Tidak Memuaskan  
BT : Belum tamat  
X : Dihalang/ Lewat hadir peperiksaan  
KA : Kecurangan Akademik  
G : Gugur

17.1.1 Status TL boleh diberi jika pelajar tidak melengkapkan mana-mana keperluan tugasan bagi sesuatu kursus kecuali pentaksiran akhir dan perlu dilengkapkan sebelum minggu pertama blok berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Permohonan untuk mendapatkan status TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan dan dibuat sebelum berakhirnya minggu ke-6 blok berkenaan; dan
- b) Status TL hendaklah ditebus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah.

17.1.2 status SM/TM akan diberi jika pelajar mendaftar kursus secara berpanjangan atau dalam proses menyediakan kertas Disertasi secara memuaskan (SM) atau tidak memuaskan (TM).

17.1.3 status BT (Belum Tamat) diberikan jika pelajar tidak melengkapkan keperluan Struktur Program dan keperluan Bergraduat contohnya tidak melengkapkan komponen kursus disiplin teras.

17.1.4 Gred F diberi jika pelajar tidak mengambil pentaksiran akhir (bagi kursus yang mempunyai pentaksiran akhir) atau tidak memenuhi pemberatan kursus yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat diterima oleh Senat Universiti.

17.1.5 status X diberi jika pelajar yang dihalang daripada mengambil pentaksiran akhir atas sebab kehadiran dalam kuliah atau penglibatan kurang daripada 80%.

17.1.6 status X diberi jika pelajar yang lewat 30 minit dan dihalang memasuki sesi pentaksiran akhir tanpa sebab yang munasabah.

17.1.7 pelajar yang mendapat Status X boleh menduduki Pentaksiran Akhir Gantian dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.

17.1.8 pelajar yang mendapat Status X dan tidak mendapat kebenaran menduduki semula Pentaksiran Akhir Gantian akan dikira sebagai Gagal.

17.1.9 bagi pelajar yang menukar program, status G akan diberikan kepada kursus yang tidak setara dengan kursus baharu.

17.1.10 pelajar lulus lemah (gred C+) boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGKnya dan gred terbaik akan menggantikan gred lama. Gred lama akan direkodkan dan nilainya tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.

17.1.11 Sistem pengiraan PNGS dan PNGK:

PNGS:      Jumlah Nilai Gred Satu Blok  
                  Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Blok Berkenaan

PNGK:      Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Blok  
                  Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semua Blok

## 18. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

### 18.1 Taraf Lulus

18.1.1 Pelajar yang mendapat PNGK 3.00 atau lebih dalam blok berkenaan adalah dianggap Lulus dan layak meneruskan pengajian ke blok berikutnya.

18.1.2 Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan Disertasi dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap blok.

### 18.2 Meneruskan pengajian ke peringkat Disertasi

18.2.1 Pelajar perlu menyempurnakan 18 jam Kredit Lulus dan mengumpul PNGK tidak kurang daripada 3.00

### 18.3 Taraf Lulus Bersyarat

18.3.1 Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 dan sekurang-kurangnya 2.00 pada akhir blok berkenaan adalah Lulus Bersyarat.

### 18.4 Taraf Gagal

18.4.1 Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 atau Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) blok berturut-turut adalah Gagal dan Diberhentikan.

### 18.5 Mengulang Kursus

18.5.1 Pelajar yang mendapat gred C+ dalam mana-mana kursus boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGK dan gred terbaik akan menggantikan gred lama.

18.5.2 Pelajar yang gagal mana-mana kursus (gred F) hendaklah mengulang kursus

tersebut pada blok kursus tersebut ditawarkan. Hanya dua kali pengulangan dibenarkan dan gred terbaik (C+ ke atas) akan menggantikan gred lama.

## 19. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

- 19.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.
- 19.2 Pelajar akan mendapat status DIBERHENTIKAN atau GAGAL DAN DIBERHENTIKAN atas sebab-sebab berikut:
  - 19.2.1 Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) blok berturut-turut;
  - 19.2.2 Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Disertasi dan mendapat status TM selama dua (2) blok berturut-turut;
  - 19.2.3 Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian;
  - 19.2.4 Pelajar yang mendapat gred F (Gagal) bagi kursus yang sama buat kali ke-3;
  - 19.2.5 Pelajar tidak menghantar pembetulan Disertasi dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Viva;
  - 19.2.6 Pelajar antarabangsa yang tidak mempunyai pas pelajar dalam tempoh empat (4) blok pengajian;
  - 19.2.7 Pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dalam tempoh empat (4) blok pengajian; dan
  - 19.2.8 Disabitkan kesalahan melanggar Peraturan Universiti.
- 19.3 Pelajar yang menerima status Gagal dan Diberhentikan dan Diberhentikan boleh membuat rayuan kepada IPS melalui fakulti secara bertulis tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 19.4 Blok semasa pelajar yang diberhentikan akan diambil kira sebagai tempoh pengajian pelajar.
- 19.5 Rayuan meneruskan pengajian boleh dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 19.6 Pelajar yang telah diluluskan rayuan selepas diberhentikan kerana mencapai tempoh maksimum tidak dibenarkan mengemukakan rayuan kali kedua.
- 19.7 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

## 20. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR

- 20.1 Status sebagai pelajar akan gugur dan DIBERHENTIKAN sekiranya:
  - 20.1.1 gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan; atau
  - 20.1.2 tidak mendaftar kursus minggu pertama (1) pengkuliahan; atau
  - 20.1.3 tidak membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak IPS

selepas berakhir minggu keempat (4) pengkuliahan.

- 20.2 Pelajar yang menerima status diberhentikan boleh membuat rayuan kepada IPS melalui fakulti secara bertulis dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Dekan IPS. Blok semasa pelajar yang diberhentikan akan diambil kira sebagai tempoh pengajian pelajar.
- 20.3 Pelajar yang merayu untuk meneruskan pengajian perlu membayar yuran proses dan kos pentadbiran kepada pihak Universiti. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar perlu menjelaskan hutang yang tertunggak (jika berkaitan) dan yuran semasa untuk diaktifkan.
- 20.4 Sekiranya permohonan tidak diluluskan, bayaran yuran proses dan kos pentadbiran tidak akan dikembalikan.
- 20.5 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.

## **21. MENARIK DIRI DARIPADA PENGAJIAN**

- 21.1 Pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tidak dibenarkan untuk membuat rayuan meneruskan semula pengajian. Pelajar perlu mengemukakan permohonan pelajar baru.
- 21.2 Pelajar antarabangsa yang menarik diri daripada pengajian akan ditamatkan pas pelajar.

## **22. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI**

- 22.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum blok bermula iaitu selewat-lewatnya sebelum minggu pengkuliahan.
- 22.2 Pelajar baru boleh menuntut bayaran balik melalui Jabatan Bendahari jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu blok dengan mengemukakan surat kelulusan dari IPS.
- 22.3 Kadar bayaran dan kelulusan bayaran balik yuran adalah tertakluk kepada pekeliling Jabatan Bendahari yang sedang berkuatkuasa.

## **23. PERUNTUKAN AM**

- 23.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 23.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 23.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh IIPS.
- 23.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

**PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
PROGRAM PENGAJIAN SARJANA PENDIDIKAN SAINS  
SECARA KERJA KURSUS**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

## 1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Sarjana Pendidikan Sains 2024).
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Sarjana Pendidikan Sains secara modular.

## 2. TAKRIF

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain:

**“Ahli Akademik”** bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

**“Blok”** bermakna masa yang diperuntukkan untuk melaksanakan satu kursus. Satu blok adalah bersamaan dengan enam minggu kuliah dan satu minggu pentaksiran akhir.

**“Fakulti”** bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

**“Hadir Wajib”** bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangan dimestikan oleh fakulti/pensyarah, walaupun kursus atau aktiviti tersebut tidak terdapat dalam struktur pengajian/syarat bergraduat.

**“Ijazah”** bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduat.

**“Institut Pengajian Siswazah”** bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaras pengendalian Program Pengajian Siswazah.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

**“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti”** bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

**“Kecurangan Akademik”** bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tata tertib Pelajar) 1999.

**“Kehadiran”** bermakna keberadaan pelajar sewaktu pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

**“Kerja Kursus”** bermakna kaedah pelaksanaan sesuatu kursus yang memerlukan pelajar membuat tugas, ujian dan sebarang bentuk pentaksiran yang lain.

**“Kompetensi”** bermakna kemampuan atau kecekapan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi pelajar setelah mengikuti kursus yang ditawarkan.

**“Komponen Disiplin Teras”** bermakna kategori kursus-kursus teras yang berkaitan bidang pendidikan Sains dan wajib diambil oleh pelajar mod kerja kursus.

**“Komponen Kertas Projek”** bermakna kursus yang mengandungi elemen kaedah penyelidikan, penyelidikan dan penulisan saintifik. Pelajar perlu mengemukakan laporan kajian akademik bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Sarjana Pendidikan Sains Secara Mod Kerja

Kursus.

**“Komponen Wajib”** bermakna kategori kursus-kursus yang berkaitan bidang pendidikan Sains yang wajib diambil sebagai syarat bergraduasi bagi pelajar.

**“Kredit Kira”** bermakna kredit yang diambil kira dalam pengiktirafan PNGS dan PNGK.

**“Kredit Lulus”** bermakna kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

**“Kursus”** bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu blok.

**“Mod Pengajian”** adalah jenis struktur pengajian Sarjana yang ditawarkan oleh Universiti yang meliputi Sarjana Penyelidikan, Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus dan Sarjana Kerja Kursus.

**“Modul”** adalah satu unit dalam kursus yang membawa kepada satu jam kredit (40 jam *Student-Learning Time*, SLT) yang ditawarkan dan diselesaikan dalam satu minggu pengajian.

**“Pegawai Perubatan”** Seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah-Perintah Am 6 dan 32 termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang pusat kesihatan/hospital kerajaan.

**“Pelajar siswazah”** bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**“Pemeriksa”** bermakna ahli akademik Universiti yang dilantik Fakulti dan diperakukan oleh Senat untuk menilai hasil kerja pelajar dan skrip peperiksaan.

**“Penasihat Akademik”** bermakna seorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

**“Pendaftaran Kursus”** bermakna pendaftaran kursus oleh pelajar melalui sistem dalam talian pada setiap awal blok berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

**“Pendaftaran Pelajar”** bermakna pendaftaran pelajar mengikut takwim program Sarjana Pendidikan Sains yang diluluskan oleh Senat.

**“Penilaian”** bermakna sebarang bentuk pentaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi.

**“Pentaksiran Akhir”** bermakna sebarang bentuk penilaian kursus terdiri daripada ujian lisan, pentaksiran berdasarkan projek, pentaksiran berdasarkan tugas, penilaian pembentangan dan lain-lain pentaksiran alternatif yang dianggap sesuai untuk mengukur pencapaian akademik pelajar yang diselenggarakan oleh Universiti.

**“Penyelia”** bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti untuk menyelia dan memeriksa Kertas Projek.

**“PNGK”** (Purata Nilai Gred Kumulatif) bermakna purata himpunan mata nilai gred yang diperoleh bagi semua blok yang telah diikuti.

**“PNGS”** (Purata Nilai Gred Semester) bermakna purata mata nilai gred yang diperoleh dalam sesuatu blok.

**“Program Pengajian”** bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Ijazah Sarjana yang diluluskan oleh Senat.

**“Senat”** bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti

Pendidikan Sultan Idris 1998.

“Slip Pendaftaran” bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

“Slip Peperiksaan” bermakna slip yang mengandungi maklumat pentaksiran dan perlu dibawa bersama ke dewan/bilik/makmal peperiksaan.

“Struktur Program” bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah berdasarkan mod pengajian.

“Tempoh Pengajian” bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian Sarjana Pendidikan Sains.

“Universiti” bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

### 3. STRUKTUR PROGRAM

- 3.1 Pengajian melibatkan kursus dan penyediaan kertas projek.
- 3.2 Kursus yang perlu dilengkapkan merangkumi kursus-kursus dari komponen wajib, komponen disiplin teras dan komponen kertas projek.

### 4. PENDAFTARAN KURSUS / KERTAS PROJEK

- 4.1 Pelajar hendaklah menjelaskan yuran dan mendaftar kursus/kertas projek pada minggu pendaftaran kursus mengikut takwim program pengajian Sarjana Pendidikan Sains.
- 4.2 Pendaftaran kursus ialah seminggu sebelum bermulanya sesi pengkuliahuan pada setiap blok.
- 4.3 Pendaftaran kursus dibenarkan sehingga selewat-lewatnya minggu pertama pengkuliahuan dan akan dikenakan denda mengikut bilangan hari lewat seperti berikut:

Perkara	Kadar Denda (RM)
Kelewatan Mendaftar	10.00/hari 30.00/kursus

- 4.3 Pendaftaran jam kredit kursus / kertas projek adalah seperti berikut;

Status Pengajian	Jam Kredit kursus	Jam Kredit Kertas projek
Sepenuh Masa	6	10
Separuh Masa	6	10

- 4.4 Bagi pelajar separuh masa, pendaftaran kursus adalah sekurang-kurangnya dua (2) kursus dalam setahun bagi mengekalkan status aktif pelajar.
- 4.5 Pengguguran kursus adalah tidak dibenarkan.
- 4.6 Pendaftaran kursus / kertas projek bagi pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada proses permohonan dan kelulusan e-VAL dan pas pelajar.

## **5. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

### **5.1 Penangguhan atas Sebab Kesihatan Kritikal**

- 5.1.1 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab kesihatan kritikal boleh dibuat dengan mengemukakan laporan perubatan terkini daripada Pegawai Perubatan dan mendapatkan perakuan Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS.
- 5.1.2 Penangguhan atas sebab kesihatan kritikal dibenarkan tiga (3) blok sepanjang pengajian dan dibenarkan bagi dua (2) blok berturut-turut.
- 5.1.3 Permohonan perlu dikemukakan pada setiap blok.
- 5.1.4 Penangguhan pengajian atas sebab kesihatan kritikal untuk kali ketiga (3) adalah tertakluk kepada perakuan oleh Pegawai Perubatan Universiti. pelajar perlu mengemukakan laporan kesihatan terkini untuk diperakuan oleh Pegawai Perubatan Universiti.
- 5.1.5 Permohonan penangguhan perlu dibuat melalui portal pelajar. Sebarang permohonan selepas minggu ke-6 pengkuliahana adalah tidak dibenarkan.
- 5.1.6 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan kritikal tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 5.1.7 Implikasi kewangan berkaitan penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan UPSI semasa.

### **5.2 Penangguhan atas Sebab Selain Kesihatan**

- 5.2.1 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab selain kesihatan boleh dibuat sehingga minggu ke-4 sesi pengkuliahana dengan mendapatkan perakuan Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS.
  - 5.2.2 Penangguhan pengajian dua (2) blok berturut-turut adalah tidak dibenarkan.
  - 5.2.3 Permohonan penangguhan perlu dibuat melalui portal pelajar.
  - 5.2.4 Pelajar yang berada dalam blok maksimum tidak layak untuk menangguhkan pengajian atas sebab peribadi.
  - 5.2.5 Implikasi kewangan berkaitan penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan UPSI semasa.
- 5.3 Bagi pelajar yang menangguh blok sebelum minggu ke-4 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke blok berikutnya.
- 5.4 Kelulusan penangguhan pengajian kepada pelajar atas sebab selain daripada masalah kesihatan selepas minggu ke-4 sesi pengkuliahana, tiada pengecualian yuran dan yuran sedia ada tidak akan dibawa ke blok berikutnya.
- 5.5 Pelajar tajaan yang memohon penangguhan pengajian hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan bertulis daripada pihak penaja.
- 5.6 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 5.7 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.

## **6. PERTUKARAN MOD / PROGRAM**

- 6.1 Pelajar boleh menukar mod/program pengajiannya dengan sokongan daripada Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS.
- 6.2 Pelajar boleh memohon pertukaran mod/program dengan perakuan Fakulti dan kelulusan pertukaran mod/program bagi pelajar Sarjana secara Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus yang tidak melibatkan lantikan penyelia hanya perlu diputuskan di peringkat IPS sahaja dengan syarat pihak Fakulti telah membuat perakuan kelulusan.
- 6.3 Bagi pelajar tempatan dan antarabangsa, permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada blok ke-2 pengajian dan permohonan yang dibuat selepas tempoh berkenaan tidak akan dipertimbangkan.
- 6.4 Berikut adalah keperluan bagi tujuan pertukaran mod/program pengajian daripada mod C ke mod B :

<b>Mod Baharu</b>	<b>Keperluan</b>
Mod Campuran (Mod B)	Borang permohonan pertukaran

- 6.5 Pelajar perlu menghantar permohonan pertukaran sebelum minggu ke-4 sesi pengkuliahian blok 1 (antarabangsa) / blok 2 (tempatan). Permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan kelulusan pertukaran hanya akan berkuatkuasa pada blok berikutnya.
- 6.6 Pertukaran mod/program dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sebelum blok ke-2 berakhir.
- 6.7 Bagi pelajar antarabangsa, pertukaran mod/program dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sebelum blok pertama berakhir.
- 6.8 Pelajar perlu mengambil kursus yang ditetapkan dalam struktur program mengikut komponen pengajian bagi memenuhi keperluan kredit dan syarat bergraduat.
- 6.9 Permohonan pertukaran mod/program pelajar antarabangsa perlu mendapatkan pengesahan daripada Pusat Antarabangsa dan Mobiliti (IMC).

## **7. TEMPOH PENGAJIAN**

- 7.1 Tempoh pengajian secara sepenuh masa adalah minimum tujuh (7) blok iaitu selama 1.5 tahun dan maksimum lima belas (15) blok selama tiga (3) tahun.

<b>Maklumat Blok</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>
Jumlah blok	7 blok	15 blok
Bilangan blok / tahun	5	5
Jumlah tahun	1.5 tahun	3 tahun

- 7.2 Tempoh pengajian secara separuh masa adalah minimum selama tiga (3) tahun dan maksimum selama lima (5) tahun.

<b>Maklumat Blok</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>

Bilangan blok / tahun	2*	4*
Jumlah tahun	3 tahun	5 tahun

7.3 Pertukaran status pengajian dibenarkan dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap blok.

7.4 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum blok terakhir bermula.

7.5 Pelajar boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pengajian selewat-lewatnya sebelum minggu pendaftaran blok terakhir dengan sokongan Dekan Fakulti dan kelulusan Dekan IPS. Permohonan pelanjutan yang dibenarkan adalah sekali sahaja sepanjang pengajian tertakluk kepada peratusan kertas projek dan syarat seperti berikut :

7.5.1 mempunyai peratusan kemajuan kertas projek:

- i. 80% dan ke atas: tambahan 2 blok
- ii. 50-79% : tambahan 4 blok
- iii. 49% dan ke bawah : tidak dipertimbangkan penambahan blok

7.6 Pelajar yang diluluskan pelanjutan tidak dibenarkan menangguh pengajian pada blok tersebut kecuali atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan.

7.7 Senat boleh memberi pengecualian bagi pelajar cemerlang yang dapat menamatkan pengajian sebelum tempoh minimum pengajian yang ditetapkan, tertakluk kepada Peraturan Kewangan UPSI semasa.

7.8 Semua permohonan perlu diperakurkan oleh fakulti dan dikemukakan di peringkat JPS.

## 8. SYARAT BERMASTAUTIN

- 8.1 Pelajar antarabangsa perlu berada di kampus sekurang-kurangnya dua (2) blok atau secara kumulatif sepanjang tempoh pengajian (tertakluk kepada keperluan program dan fakulti).
- 8.2 Semua pelajar antarabangsa wajib mempunyai pas pelajar dalam tempoh empat (4) blok pengajian. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar diberhentikan dari pengajian.
- 8.3 Semua pelajar (tempatan dan antarabangsa) yang mendapat tajaan/biasiswa perlu berada di kampus/lapangan secara fizikal tertakluk kepada keperluan program dan fakulti.

## 9. KEHADIRAN DAN PENGLIBATAN

- 9.1 Pelajar dikehendaki hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus sama ada secara bersemuka atau dalam talian seperti mana yang ditentukan oleh jabatan program.
- 9.2 Pelajar dikehendaki terlibat dalam semua sesi atau aktiviti yang ditentukan bagi sesuatu kursus sama ada secara bersemuka atau dalam talian seperti mana yang ditentukan oleh program.
- 9.3 Pelajar yang tidak memenuhi peraturan di atas bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Senat, tidak dibenarkan menduduki pentaksiran akhir untuk kursus berkenaan.

- 9.4 Pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran dan penglibatan dalam sesuatu kursus akan dihalang menduduki pentaksiran akhir.
- 9.5 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 9.6 Di akhir setiap blok pelajar mendaftar kertas projek, pelajar perlu mengisi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) melalui sistem dalam talian.
- 9.7 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) blok berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

## 10. PEMINDAHAN KREDIT

- 10.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pemindahan kredit secara kursus *micro-credentials* yang setara dengan kursus dalam program ini yang diperakui oleh JPS.
- 10.2 Kelulusan untuk pemindahan kredit akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 10.3 Jumlah pemindahan kredit maksimum adalah 30 kredit kecuali kertas projek.
- 10.4 Kursus yang ingin dipindahkan kredit mesti mempunyai gred minimum "B" dan tempoh kursus *micro-credentials* yang diambil tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 10.5 Kursus *micro-credentials* yang dipohon perlu setara sekurang-kurangnya 75% daripada segi kandungan kursus dengan kursus yang perlu diambil di UPSI.
- 10.6 Bagi pelajar yang menukar program, gred bagi kursus yang tidak berkaitan akan digugurkan.
- 10.7 Bagi pelajar yang menarik diri daripada pengajian, mereka boleh mendaftar semula sebagai pelajar baharu, tetapi tidak boleh membuat pemindahan kredit.

## 11. KERTAS PROJEK

- 11.1 Kertas Projek hendaklah antara 10,000 hingga 20,000 patah perkataan (tertakluk kepada perakuan JPS Fakulti, penyelia dan pakar bidang). Keperluan jumlah patah perkataan bagi program tertentu boleh merujuk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 11.2 Satu projek hendaklah disediakan oleh pelajar untuk memenuhi keperluan program.
- 11.3 Kertas projek hendaklah disiapkan dalam tempoh dua (2) blok berturut-turut.
- 11.4 Di akhir setiap blok selepas pendaftaran kertas projek, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) secara dalam talian.
- 11.5 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan menyebabkan pelajar diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Penerimaan Status TM dua (2) blok berturut-turut akan menyebabkan pelajar diberikan status Gagal dan Diberhentikan.  
[Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bil.4/2018]
- 11.6 Fakulti akan melantik penyelia untuk menyelia projek pelajar.
- 11.7 Bagi penyerahan laporan Kertas Projek untuk diperiksa, pelajar hendaklah:
  - 11.7.1 membuat semakan turnitin selewat-lewatnya pada minggu keempat (4) dalam

blok kedua pelajar mendaftar kertas projek.

11.7.2 membuat serahan kertas projek untuk penilaian selewat-lewatnya pada minggu kelima (5) dalam blok kedua pelajar mendaftar kertas projek.

11.7.3 membuat pembetulan kertas projek selewat-lewatnya pada minggu keenam (6) dalam blok kedua pelajar mendaftar kertas projek.

11.8 Pelajar hendaklah menyerahkan Laporan Kertas Projek Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh IPS sebelum bergraduat.

11.9 Laporan kertas projek hendaklah disediakan menurut format dan gaya yang ditentukan oleh Universiti.

11.10 Kertas projek yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah Universiti ini.

11.11 Pelajar digalakkan untuk menerbitkan hasil projeknya dengan persetujuan penyelia.

11.12 Kertas Projek boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.

11.13 Kertas projek akan dinilai oleh penyelia (Penilai Pertama) dan Penilai Kedua yang dilantik oleh Fakulti. Markah akhir hendaklah dibincangkan oleh Penyelia dan Penilai Kedua untuk menentukan markah akhir.

11.14 Kertas Projek yang lengkap disiapkan hendaklah diserah oleh pelajar kepada penyelia. pelajar hendaklah menyerahkan tiga (3) salinan kertas projek yang lengkap berserta dengan dua (2) keping cakera padat (CD) dalam format PDF selepas mendapat makluman daripada pihak Fakulti.

11.15 Pelajar dibenarkan mengulang kertas projek sebanyak dua (2) kali sahaja (4 blok tambahan).

## **12. PENYELIAAN PROJEK**

12.1 Fakulti hendaklah melantik seorang penyelia selepas pelajar mendaftar Kertas Projek.

12.2 Pelajar boleh mendaftar Kertas Projek setelah menyempurnakan keseluruhan komponen kursus wajib dan disiplin teras berjumlah 30 kredit.

## **13. PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN AKHIR**

13.1 Pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil pentaksiran akhir.

13.2 Pentaksiran Akhir bagi kursus terdiri daripada ujian lisan, pentaksiran berdasarkan projek, pentaksiran berdasarkan tugas, penilaian pembentangan dan lain-lain pentaksiran alternatif yang dianggap sesuai dengan kursus bagi menilai pengetahuan, kemahiran atau kompetensi.

13.3 Pentaksiran Akhir Gantian boleh diberi kepada pelajar yang tidak dapat mengambil Pentaksiran Akhir yang telah ditetapkan atas sebab-sebab kecemasan dalam masa satu (1) minggu selepas minggu Pentaksiran Akhir berakhir dengan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti.

## **14. PENGANUGERAHAN IJAZAH**

14.1 Nama ijazah yang dianugerahkan oleh Senat Universiti ialah Ijazah Sarjana Pendidikan Sains.

- 14.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:
- 14.2.1 Memenuhi kesemua syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan.
  - 14.2.2 Lulus kesemua kursus yang ditetapkan.
  - 14.2.3 Mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00
- 14.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

## 15. SISTEM PENGGREDAN

- 15.1 Pelajar akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual 1 berikut:
- Jadual 1 : Sistem Gred

MARKAH	GRED	NILAI
80-100	A	4.00
75- 79	A-	3.75
70-74	B+	3.45
65-69	B	3.00
60-64	C+	2.75
59 dan ke bawah	F	0.00

- 15.2 Status yang berikut juga diberikan:

Status yang berikut juga diberikan:

TL	: Tidak Lengkap
SM	: Sedang Maju
TM	: Tidak Memuaskan
KM	: Kurang Memuaskan
BT	: Belum tamat
X	: Dihalang/ Lewat hadir peperiksaan
KA	: Kecurangan Akademik
G	: Gugur

15.2.1 Status TL boleh diberi jika pelajar tidak melengkapkan mana-mana keperluan tugasannya bagi sesuatu kursus kecuali pentaksiran akhir dan perlu dilengkapkan sebelum minggu pertama blok berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Permohonan untuk mendapatkan status TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan dan dibuat sebelum berakhirnya minggu ke-6 blok berkenaan; dan
- b) Status TL hendaklah ditebus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah.

15.2.2 status SM/TM akan diberi jika pelajar mendaftar kursus secara berpanjangan atau dalam proses menyediakan kertas Projek secara memuaskan (SM) atau tidak memuaskan (TM).

15.2.3 status BT (Belum Tamat) diberikan jika pelajar tidak melengkapkan keperluan Struktur Program dan keperluan Bergraduat contohnya tidak melengkapkan komponen kursus wajib.

15.2.4 Gred F diberi jika pelajar tidak mengambil pentaksiran akhir (bagi kursus yang mempunyai pentaksiran akhir) atau tidak memenuhi pemberatan kursus yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat diterima oleh Senat Universiti.

15.2.5 status X diberi jika pelajar yang dihalang daripada mengambil pentaksiran akhir atas sebab kehadiran dalam kuliah atau penglibatan kurang daripada 80%.

15.2.6 status X diberi jika pelajar yang lewat 30 minit dan dihalang memasuki sesi pentaksiran akhir tanpa sebab yang munasabah.

15.2.7 pelajar yang mendapat Status X boleh menduduki Pentaksiran Akhir Gantian dengan kelulusan Dekan IPS.

15.2.8 pelajar yang mendapat Status X dan tidak mendapat kebenaran menduduki semula Pentaksiran Akhir Gantian akan dikira sebagai Gagal.

15.2.9 bagi pelajar yang menukar program, status G akan diberikan kepada kursus yang tidak setara dengan kursus baharu.

15.2.10 pelajar lulus lemah (gred C+) boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGKnya dan gred terbaik akan menggantikan gred lama. Gred lama akan direkodkan dan nilainya tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.

15.2.11 Sistem pengiraan PNGS dan PNGK:

PNGS:  $\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Blok}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Blok Berkenaan}}$

PNGK:  $\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Blok}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semua Blok}}$

## 16. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

### 16.1 Taraf Lulus

16.1.1 Pelajar yang mendapat PNGK 3.00 atau lebih dalam blok berkenaan adalah dianggap Lulus dan layak meneruskan pengajian ke blok berikutnya.

16.1.2 Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam pelaksanaan kertas projek dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap blok.

### 16.2 Meneruskan pengajian ke peringkat penyediaan laporan Kertas Projek

16.2.1 Pelajar perlu menyempurnakan 30 jam Kredit Lulus dan mengumpul PNGK tidak kurang daripada 3.00.

### 16.3 Taraf Lulus Bersyarat

Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 dan sekurang-kurangnya 2.00 pada akhir blok berkenaan adalah Lulus Bersyarat.

### 16.4 Taraf Gagal

Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 atau Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) blok berturut-turut adalah Gagal dan Diberhentikan.

### 16.5 Mengulang Kursus

16.5.1 Pelajar yang mendapat gred C+ dalam mana-mana kursus boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGK dan gred terbaik akan menggantikan gred lama.

16.5.2 Pelajar yang gagal mana-mana kursus (gred F) hendaklah mengulang kursus tersebut pada blok kursus tersebut ditawarkan. Hanya dua kali pengulangan dibenarkan dan gred terbaik (C+ ke atas) akan menggantikan gred lama.

## **17. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN**

- 17.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.
- 17.2 Pelajar akan mendapat status DIBERHENTIKAN atau GAGAL DAN DIBERHENTIKAN atas sebab-sebab berikut:
  - 17.2.1 Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) blok berturut-turut;
  - 17.2.2 Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan laporan kertas projek dan mendapat status TM selama dua (2) blok berturut-turut;
  - 17.2.3 Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian;
  - 17.2.4 Pelajar yang mendapat gred F (Gagal) bagi kursus yang sama buat kali ke-3;
  - 17.2.5 Pelajar antarabangsa yang tidak mempunyai pas pelajar dalam tempoh empat (4) blok pengajian;
  - 17.2.6 Pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dalam tempoh empat (4) blok pengajian; dan
  - 17.2.7 Disabitkan kesalahan melanggar Peraturan Universiti.
- 17.3 Pelajar yang menerima status Gagal dan Diberhentikan dan Diberhentikan boleh membuat rayuan kepada IPS melalui fakulti secara bertulis tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- 17.4 Blok semasa pelajar yang diberhentikan akan diambil kira sebagai tempoh pengajian pelajar.
- 17.5 Rayuan meneruskan pengajian boleh dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.
- 17.6 Pelajar yang telah diluluskan rayuan selepas diberhentikan kerana mencapai tempoh maksimum tidak dibenarkan mengemukakan rayuan kali kedua.
- 17.7 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

## **18. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR**

- 18.1 Status sebagai pelajar akan gugur dan DIBERHENTIKAN sekiranya:
  - 18.1.1 gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan; atau
  - 18.1.2 tidak mendaftar kursus sehingga minggu pertama (1) pengkuliahian; atau
  - 18.1.3 tidak membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak IPS selepas berakhir minggu keempat (4) pengkuliahian.
- 18.2 Pelajar yang menerima status diberhentikan boleh membuat rayuan kepada Institut Pengajian Siswazah melalui fakulti secara bertulis dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Dekan IPS. Blok semasa pelajar yang diberhentikan akan diambil kira sebagai tempoh pengajian pelajar.

- 18.3 Pelajar yang merayu untuk meneruskan pengajian perlu membayar yuran proses dan kos pentadbiran kepada pihak Universiti. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar perlu menjelaskan hutang yang tertunggak (jika berkaitan) dan yuran semasa untuk diaktifkan.
- 18.4 Sekiranya permohonan tidak diluluskan, bayaran yuran proses dan kos pentadbiran tidak akan dikembalikan.
- 18.5 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.

## **19. MENARIK DIRI DARIPADA PENGAJIAN**

- 19.1 Pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tidak dibenarkan untuk membuat rayuan meneruskan semula pengajian. Pelajar perlu mengemukakan permohonan pelajar baharu.
- 19.2 Pelajar antarabangsa yang menarik diri daripada pengajian akan ditamatkan pas pelajar.

## **20. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI**

- 20.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum blok bermula iaitu selewat-lewatnya sebelum minggu pengkuliahian.
- 20.2 Pelajar baharu boleh menuntut bayaran balik melalui Jabatan Bendahari jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu blok dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.
- 20.3 Kadar bayaran dan kelulusan bayaran balik yuran adalah tertakluk kepada pekeliling Jabatan Bendahari yang sedang berkuatkuasa.

## **21. PERUNTUKAN AM**

- 21.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 21.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 21.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh IPS.
- 21.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

# Struktur Pengajian Modular (Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus)

## LAMPIRAN 1

Tahun 1				Tahun 2		
Semester 1 (Semester Panjang)		Semester 2 (Semester Panjang)		Semester 3 (Semester Pendek)	Semester 1 (Semester Panjang)	
Blok 1	Blok 2	Blok 3	Blok 4	Blok 5	Blok 6	Blok 7
Kursus 1 *SSC 60106 Science Education Curriculum Design and Delivery	Kursus 2 *SSA 60106 Science Education Assessing Learning and Teaching	Kursus 3 *SSN60106 Innovation in Science Teaching/ SSE60106 Trends in Science Education/ SSG 60106 Science Teacher Agencies	Disertasi *SSR60522	Disertasi *SSR60522	Disertasi *SSR60522	Disertasi *SSR60522
Modul-modul dalam kursus	Modul-modul dalam kursus	Modul-modul dalam kursus	Modul-modul berkaitan kaedah penyelidikan			

\* Kod dan nama kursus adalah tertakluk kepada perubahan.

# Struktur Pengajian Modular (Mod Kerja Kursus)

## LAMPIRAN 1

Tahun 1					Tahun 2	
Semester 1 (Semester Panjang)		Semester 2 (Semester Panjang)		Semester 3 (Semester Pendek)	Semester 1 (Semester Panjang)	
Blok 1	Blok 2	Blok 3	Blok 4	Blok 5	Blok 6	Blok 7
Kursus 1 *SSC 60106 Science Education Curriculum Design and Delivery	Kursus 2 *SSA 60106 Science Education Assessing Learning and Teaching	Kursus 3 *SSN60106 Innovation in Science Teaching	Kursus 4 *SSE60106 Trends in Science Education	Kursus 5 *SSG 60106 Science Teacher Agencies	Kertas Projek *SSR60510	Kertas Projek *SSR60510
Modul-modul dalam kursus	Modul-modul dalam kursus	Modul-modul dalam kursus	Modul-modul dalam kursus	Modul-modul dalam kursus	Modul-modul berkaitan kaedah penyelidikan	

\* Kod dan nama kursus adalah tertakluk kepada perubahan.